

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

PDTK/KP/13/2019

1. Tawaran Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor dan di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) atau Gred G1, CE21 dan CE01 yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan bumiputera **Daerah Klang, Negeri Selangor** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini akan diterima **PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG, 41902 KLANG** (Bahagian Khidmat Pengurusan) hingga pukul 12.00 tengahari pada 27 Ogos 2019 bagi kerja seperti berikut:

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA PERMUKAAN JALAN DI PEJABAT DAERAH /
TANAH KLANG**

2. Naskah tawaran boleh dirujuk terlebih dahulu di kaunter, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah / Tanah Klang semasa waktu bekerja sebelum membuat pembelian.
3. Borang / Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga RM10.00 dengan menggunakan *online banking / credit card* melalui sistem e-tender / sebutharga melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>.
4. Sampul Borang Sebutharga mestilah dijudulkan seperti yang ditetapkan dan borang sebutharga tawaran tersebut hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran di PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG, ARAS 1 (BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN) 41902 KLANG, sebelum masa tawaran ditutup. Borang sebutharga yang lewat dikembalikan **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk menyertai sebutharga ini. **SEMUA DOKUMEN SOKONGAN PERLU DILAMPIRKAN SELEPAS MUKASURAT TERAKHIR.**
5. Kontraktor-kontraktor yang telah berjaya mendapat Kerja Sebutharga pada tahun 2019, dipohon supaya tidak menyertai tawaran sebutharga bagi memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor yang masih belum mendapat sebarang kerja projek pada tahun 2019.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima Sebutharga yang paling rendah atau pun terikat kepada sebarang Sebutharga.

Tarikh: 16 Ogos 2019



(ZULKIFLI BIN OSMAN)
Ketua Penolong Pegawai Daerah
(Khidmat Pengurusan)
b.p. Pegawai Daerah Klang.

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG,
JALAN KOTA,
41902 KLANG.

Telefon: 33711963/33719028

BIL. SEBUT HARGA :		
T/Tangan :	T/Tangan :	T/Tangan :
Tarikh :	Tarikh :	Tarikh :